

07/07/1998

Pawada terokai Semenanjung

Misiah Taib

PAWADA Food Industries Sdn Bhd (Pawada), syarikat milik penuh Bumiputera di Sarawak, akan menerokai pasaran Semenanjung bermula bulan ini.

Syarikat pengeluar enam produk iaitu kicap, sos cili, sos tomato, kordial, cuka dan serbuk kopi itu, akan mengorak langkah dengan memasarkan produknya di Lembah Klang sebagai destinasi pertama.

Pengurus besarnya, Mohammad Seri, berkata pihaknya yakin mampu menembusi pasaran di Semenanjung, selepas sekian lama bertapak di Sarawak dan Brunei Darussalam.

Beliau yakin pihaknya mampu memenuhi keperluan di seluruh negara, berdasarkan setakat ini pihaknya hanya memanfaatkan antara 30 ke 35 peratus daripada kapasiti sebenar.

"Kita juga yakin dengan mengekalkan 52 tenaga kerja yang ada (100 peratus pekerja tempatan), kita mampu meningkatkan lagi pengeluaran untuk keperluan seluruh negara," katanya ketika ditemui di Kuching, baru-baru ini.

Menurutnya, selain mengutamakan cita rasa pengguna, Pawada juga menitikberatkan kualiti dan kebersihan dalam pengeluaran semua produknya.

Beliau berkata, empat produk syarikat itu iaitu kicap, sos cili, sos tomato dan kordial (lima perisa iaitu oren, sarsi, barli, ros dan anggur) diiktiraf Sirim Bhd.

Mohammad berkata, modal berbayar bagi syarikat yang diperbadankan pada 18 Julai 1991 itu ialah RM700,000, manakala modal dibenarkan ialah RM1 juta.

Katanya, syarikat itu juga meletakkan sasaran mencapai pengiktirafan ISO9002 pada tempoh suku terakhir tahun ini.

Beliau berkata, Pawada yakin mampu memenuhi semua keperluan bagi mencapai matlamat yang disasarkan, berdasar pencapaian setakat ini.

Menurutnya, Pawada adalah pemenang Anugerah Kecemerlangan Kualiti Industri 1997 (Industry Quality Excellence Award) yang disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 18 Disember lalu.

Di samping itu, katanya, syarikat itu juga pernah memenangi Anugerah Ketua Menteri Sarawak bagi Pengurusan Cemerlang 1997 pada 29 Oktober tahun lalu.

Pawada bermula sebagai industri kampung pada 1986 dengan mempunyai tiga pekerja saja. Hanya pada 1991 ia mula mengorak langkah menjadi industri kecil yang lebih tersusun dan menjadi lebih progresif sejak 1995.

Hari ini, syarikat itu diurus serta ditadbir golongan profesional dan dinamik dalam pelbagai bidang berkaitan.

(END)